

Majlis Peguam nafi dakwaan Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Majlis Peguam menafikan dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang mengaitkan badan itu dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tajaan Amerika Syarikat (AS) yang dikuasai rejim Yahudi untuk menggulingkan kerajaan.

Sambil menyifatkan tuduhan itu amat serius dan tidak bertanggungjawab, Presiden Majlis Peguam, Lim Chee Wee, berkata sepatutnya Dr Mahathir tidak membuat tuduhan palsu yang boleh mencetuskan perasaan kurang senang di kalangan ahli badan itu.

Sehubungan itu, beliau dengan tegas menyatakan Majlis Peguam tidak mempunyai sebarang maklumat berhubung apa yang didedahkan Dr Mahathir.

"Saya amat terkejut dengan dakwaan ini dan menafikan tuduhan ini. Matlamat utama Majlis Peguam adalah menjunjung kedaulatan undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan.

"Kita bekerjasama rapat dengan kerajaan, termasuk penubuhan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), mempromosikan Malaysia sebagai pusat penyelesaian pertikaian serta reformasi undang-undang," katanya, semalam.

Lim berkata, beberapa kali Majlis Peguam memuji tindakan kerajaan, termasuk penubuhan YBGK yang memudahkan proses untuk mendapat keadilan, pemansuhan undang-undang lapuk seperti deklarasi darurat serta Akta Buang Negeri.

Bagaimanapun, beliau mengakui, badan itu ada kalanya tidak bersetuju dengan dasar kerajaan, termasuk Rang Undang-Undang Perhimpunan Aman sehingga memaksa badan itu mengadakan perarakan bagi membantahnya.